

18/05/2004

Umno berjaya harungi pelbagai cabaran

By Ridzuan Yop

UMNO menyambut ulang tahun ke-58 penubuhannya pada 11 Mei lalu secara sederhana pada usia yang cukup matang. Tidak ada sambutan besar-besaran walaupun Umno menang besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-11 lalu.

Sambutan yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu, dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah yang diimamkan Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kemudiannya diikuti majlis bacaan Yassin dan tahlil.

Sememangnya tidak banyak parti politik di mana-mana negara di dunia sezaman dengan Umno mampu bertahan hingga hari ini sebagai sebuah parti yang terus diterima rakyat.

Umno tentu tidak mahu nasib yang menimpa parti sezaman mereka seperti Golkar di Indonesia, Parti Liberal Demokratik (LDP) di Jepun, Parti Kongres di India, parti Nasional (KMT) Kuomintang di Taiwan sebagai parti yang memperjuangkan kemerdekaan negaranya ditolak rakyat kerana kealpaan pemimpin serta ahli partinya sendiri.

Namun dalam pilihan raya umum di Indonesia dan India baru-baru ini, Golkar dan Kongres dipilih semula untuk menerajui negara mereka selepas bertahun-tahun dipinggirkan rakyat.

Umno melalui pelbagai pahit getir sebagai parti politik Melayu sepanjang perjuangannya - disayang, pernah dibenci, dicemuh tapi orang Melayu tetap yakin pada perjuangan Umno.

Bagi orang Melayu, Umno diterima kerana pendekatan sederhananya serta terbukti dapat membela nasib bangsa Melayu yang menjadi teras kepada penubuhannya.

Berbanding parti politik lain di negara ini, Umno sebuah parti politik yang sudah teruji - berjaya mengharungi pelbagai cabaran sama ada pada waktu senang mahupun susah.

Krisis politik paling mencabar dalam sejarah Umno pada 1998 dianggap satu hikmah serta iktibar yang tidak seharusnya dilupakan oleh setiap pemimpin dan ahli Umno.

Krisis itu memberi kesempatan kepada Umno untuk bermuhasabah dan menilai kembali apa yang rakyat mahukan daripada Umno sebagai wadah perjuangan mereka.

Kekuatan Umno sebenarnya terletak kepada kesediaan pemimpin dan ahlinya untuk berubah dengan kembali kepada asas perjuangan iaitu untuk membela nasib rakyat melebihi kepentingan diri.

"Pemimpin dan ahli Umno jangan sombong, angkuh, lupa daratan serta berbalah sesama sendiri kerana ia boleh melemahkan parti," kata Pak Lah ketika menyampaikan tazkirah sementara menunggu masuk waktu Isyak pada majlis tahlil itu.

Pak Lah mahu pemimpin dan ahli Umno sentiasa mengambil iktibar daripada sejarah silam Islam serta kerajaan kesultanan Melayu, akibat sering bersengketa membuka ruang kepada pihak lain menjajah mereka.

Jika ahli Umno angkuh serta sering bersengketa semua nikmat kejayaan, kekuatan dan kemegahan yang dikecapi akan hilang begitu saja seperti yang berlaku kebanyakan tamadun agung lalu.

"Kejayaan yang kita nikmati serta kecapi ketika ini sebenarnya satu cabaran serta ujian kepada kita, sama seperti kemiskinan dan kesengsaraan yang kita lalui juga satu ujian.

"Oleh itu yang penting bagi kita adalah untuk bijak menguruskan kejayaan, supaya menjadikan kita sebagai satu bangsa yang kuat, dihormati

dan bermaruah," kata Pak Lah.

Umno diasaskan Datuk Onn Jaafar dan ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946 bagi membantah penubuhan Malayan Union oleh Britain, sekembalinya ke Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

Rancangan penubuhan Malayan Union itu jika dilaksanakan akan menghakis hak istimewa orang Melayu di tanah air mereka sendiri melalui pemberian kerakyatan dengan mudah kepada bukan Melayu.

Pada masa Umno ditubuhkan, politik adalah perkara asing di kalangan orang Melayu. Pada zaman British dan sebelumnya, politik terhad kepada orang Istana dan pemerintah Britain kerana rakyat menerima saja apa yang ditentukan oleh istana dan penjajah.

Namun dengan bertambahnya bilangan rakyat biasa yang mendapat pendidikan pada masa itu, satu kesedaran baru tumbuh di kalangan orang Melayu untuk menyertai politik melalui Umno.

Umno kini mempunyai 2.81 juta ahli dengan 191 bahagian dan 19,000 cawangan di seluruh negara.

Ketika bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mula menjadi Presiden Umno pada 26 Jun 1981, bilangan ahli Umno cuma seramai 872,796 dengan 114 bahagian dan 5,870 cawangan.

Ketika beliau melepaskan jawatan itu pada 31 Oktober tahun lalu, bilangan ahli meningkat kepada 191 bahagian, manakala cawangan pula sebanyak 19,000.

Umno juga melebarkan sayapnya ke Sabah pada 1991 dan penubuhan sayap baru, Puteri Umno pada Ogos 2001 yang kini bilangan ahlinya meningkat kepada 170,738 berbanding 80,000 ketika mula ditubuhkan.

"Umno perlu sentiasa berwaspada, jangan terlalu riak jika Umno mahu kekal menerajui pemerintahan negara," kata Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob.

Beliau berkata, tidak banyak parti politik yang sebaya dengan Umno masih kekal berkuasa di dunia ini.

Mereka kehilangan kuasa akibat kesilapan pemimpin dan anggota parti sendiri yang asyik bercakaran, merebut kuasa dan menyeleweng daripada perjuangan asal parti.

Dr Mahathir pada sambutan ulang tahun Umno ke-57 tahun lalu dan terakhir baginya sebagai Presiden Umno mengingatkan orang Melayu supaya tidak leka berikutan ancaman bahaya penjajahan bentuk baru oleh kuasa besar yang sanggup bertindak ganas dan berlaku tidak adil.

"Inilah tanggungjawab Umno sebagai benteng bagi masyarakat Melayu baik mereka yang dewasa, veteran dan orang muda. Mereka adalah daripada satu pasukan iaitu pasukan Umno dan sebagai Umno mereka perlu rapatkan barisan mereka.

"Apabila mereka rapatkan barisan dan menghala ke depan dengan ilmu pengetahuan dan hati yang tabah, semangat yang kuat, ia akan dapat mematahkan serangan musuh dari dalam atau luar.

"Ingatlah pada setiap ulang tahun Umno, bukan saja kita patut gembira, tapi memperingati diri kita mengenai perjuangan kita dulu. Sedarlah bahawa bahaya yang kita hadapi sekarang," katanya.

Bahaya yang dihadapi sekarang, tidak kurang besarnya daripada yang dihadapi ketika orang Melayu khususnya menentang penjajah dulu.

"Jika kita lemah, mereka (kuasa besar) akan cuba menjatuhkan Umno kerana parti ini menjadi benteng yang pertahankan kemerdekaan negara ini," katanya.

Umno tidak mampu lagi berpecah dengan mempunyai pemimpin kecewa yang lebih mementingkan diri daripada perjuangan parti sehingga mewujudkan parti serpihan bagi memperjuangkan kepentingan peribadi.

Kemenangan besar Umno dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu juga bukan jaminan bahawa BN dan Umno sebagai tonggak pemerintah

boleh berasa selesa dan terlalu yakin untuk melakukan yang sama pada pilihan raya umum akan datang.

Sejarah membuktikan Umno yang pernah menang besar dalam pilihan raya kehilangan banyak kerusi kepada pembangkang pada pilihan raya berikutnya kerana mereka bersengketa sesama sendiri.

Justeru, ingatan Pak Lah kepada pemimpin Umno dan BN sebaik saja memenangi pilihan raya umum lalu, supaya wakil rakyat bersatu padu dan memberi khidmat terbaik kepada rakyat wajar menjadi azimat.

Keazaman itu bagi membolehkan Pak Lah menyerahkan Umno yang kuat kepada penggantinya kelak seperti Dr Mahathir menyerahkan Umno kepada beliau, seperti juga yang dilakukan pemimpin Umno terdahulu kepada pengganti mereka.

(END)